

Jepun harap konflik Israel-Palestin tidak merebak

PUTRAJAYA: Jepun berharap krisis Palestin-Israel diredakan sebelum konflik tersebut merebak ke negara-negara jiran.

Perdana Menteri, Fumio Kishida berkata, semua pihak sepatutnya bertindak mengikut lunas undang-undang antarabangsa dan menghentikan krisis yang semakin memuncak.

“Isu Israel dan Palestin semakin tegang, saya terangkan pendirian Jepun dan pentingnya keperluan semua pihak bertindak mengikut undang-undang antarabangsa.

“Pada masa sama mengelak ia merebak ke negara jiran dan perlu meredakan ketegangan situasi dengan segera terutama krisis kemanusiaan di Gaza,” kata Kishida yang mengadakan lawatannya ke Malaysia semalam.

Sementara itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, Malaysia menghargai komitmen Jepun yang menentang pendudukan haram Israel ke atas Palestin sejak 75 tahun lalu.



ANWAR Ibrahim menerima kunjungan hormat Fumio Kishida di Kompleks Seri Perdana, Putrajaya semalam. - SADIQ ASYRAF/PEJABAT PERDANA MENTERI

Menurut beliau, komitmen tersebut dinyatakan Kishida ketika menyentuh konflik Palestin-Israel dan serangan berterusan ke atas Gaza.

Anwar berkata, Jepun turut menyuarakan sokongan supra-

ya wujud keamanan di rantau dan bantuan kemanusiaan tanpa syarat ke wilayah Gaza yang kini berlaku krisis kemanusiaan terburuk dengan lebih 9,000 orang maut.

“Kami berbincang berhu-

bung konflik Palestin-Israel, walaupun wujud penekanan berbeza, tetapi saya menghargai komitmen Kishida, pertamanya, menentang tindakan pendudukan haram Israel di Palestin,” kata Anwar.